

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN APLIKASI MEDIA SOSIAL MENURUT SYARAK

1.0 TUJUAN

Kertas kajian ini dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kajian dan Penyelidikan Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Perak bagi membincangkan secara khusus berkaitan hukum, tatacara, perimeter dan kayu ukur penggunaan aplikasi-aplikasi media sosial. Oleh kerana semua akses media sosial ini adalah melalui medium atas talian, menjadikan pelayaran-pelayaran para pengguna tidak dapat dikawal. Justeru, secara asasnya penggunaan aplikasi media sosial adalah dibenarkan oleh syarak dengan mematuhi tatacara, perimeter dan kayu ukur melalui nas yang dihuraikan oleh pihak penguatkuasa agama dan para alim ulama.

2.0 PENDAHULUAN

2.1 Prinsip akhlak merupakan teras dan tunjang utama diutusnya Nabi Muhammad S.A.W. kepada umat manusia sepertimana dalil yang mematerikan hujah bahawasanya akhlak Rasulullah S.A.W. adalah sebagaimana indahnya Al-Qur'an. Begitulah akhlak terpuji yang harus sentiasa menjadi amalan termasuk di media sosial. Dalam hadis yang lain, Rasulullah S.A.W. bersabda:

أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا

*"Mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya."*¹

2.2 Definisi media sosial adalah sebuah aplikasi yang berasaskan internet. Hal ini kerana, media sosial merupakan satu platform secara atas talian yang membolehkan pengguna berkongsi, menyertai dan mencipta isi melalui rangkaian sosial, wiki blog, dan dunia virtual².

¹ Sunan Abi Daud, Jilid 5, muka surat 42, hadis no. 4682

² Anita Ismail, Farah Laili Muda @ Ismail & Sakinah Ahmad. 9 September, "Penggunaan Media Sosial dan Kesejahteraan Pengguna Menurut Islam, USIM, 2021.

2.2 Penggunaan aplikasi media sosial secara atas talian ini dianggap sebagai suatu perkara baru yang hanya wujud pada awal 2000-an³. Isu ini belum muncul pada era terdahulu dan tidak termasuk dalam perkara ibadat. Oleh itu, perkara ini termasuk dalam hal ehwal-hal ehwal isu semasa yang baru (القضايا المعاصرة المستجدات). Atas asas ini, penggunaan aplikasi media sosial termasuk dalam perkara yang harus berlandaskan kaedah fiqh:

الأصل في الأشياء الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم

“(Hukum) asal bagi sesuatu perkara adalah harus, selagimana tiada dalil yang mengharamkannya.”

2.3 Media sosial adalah satu platform dan medium yang direka cipta untuk berhubung, bersosial, mendapatkan input, pemindahan maklumat, pemindahan menyebarkan maklumat sekali gus mengeratkan lagi hubungan sesama manusia⁴. Namun ianya perlu digunakan dan diuruskan dengan hemat dan bijaksana. Kecuaian dan kelekaan terhadap medium ini akan memberi kesan terhadap natijah hukum penggunaan aplikasi bahkan sedikit sebanyak memberikan impak negatif terhadap kehidupan seharian manusia itu sendiri.

2.4 Dalam menongkah arus kemodenan, penggunaan media sosial telah mendominasi masyarakat di seluruh dunia dengan tahap dominansi yang tinggi. Media sosial merupakan teknologi yang sangat membantu dalam mempermudah aktiviti dakwah umat Islam, terutama di zaman ini. Suatu hal yang penting bagi umat Islam masa kini untuk bijak dalam menggunakan media sosial bagi menyebarkan ajaran Islam tanpa mengeksploitasinya dengan tujuan yang salah. Islam dan kehidupan sosial seharusnya tidak dipisahkan, dan umat Islam sebaiknya tidak bersikap sekuler dengan memisahkan antara dunia dan agama⁵.

³ <https://ourworldindata.org/rise-of-social-media>

⁴ Dr. Abdul Karim Zaini, Using Social Media in the Bahraini 2014 Elections “A Study on a Sample of Young People”, 2015.

⁵ Nur Hidayu Nordin, Nur Syuhada Mohammad, Ahmad Marzuki Mohamad, "Media Sosial dan Instagram Menurut Islam", UTM, 2019.

3.0 LATAR BELAKANG

- 3.1 Dalam era globalisasi dan kemajuan AI masa kini, terdapat banyak jenis platform aplikasi media sosial yang diperkenalkan dan setiap satunya mempunyai ciri-ciri tersendiri bagi menanggapi kepelbagaian segmen masyarakat yang dipisahkan mengikut faktor umur, fungsi, latar belakang, kecenderungan, kadar kebolehpasaran dan trend semasa.
- 3.2 Setiap platform media sosial yang ada saat ini menawarkan keunikan dan ciri-ciri tersendiri. Di bawah ini adalah pengenalan terhadap platform media sosial yang paling popular:
 - 3.2.1 **Facebook:** Merupakan salah satu platform media sosial tertua dan terbesar di dunia. Ia membolehkan pengguna berkongsi teks, gambar, dan video, serta berinteraksi melalui komen, kongsi dan suka.
 - 3.2.2 **Instagram:** Fokus utama Instagram adalah gambar dan video pendek. Pengguna boleh berkongsi gambar dan klip video, serta menggunakan pelbagai filter dan alat kreatif untuk memperindahkan imej.
 - 3.2.3. **X (Twitter):** Platform ini membenarkan pengguna menghantar mesej pendek yang dikenali sebagai "post (tweet)". Tweets ini boleh mengandungi teks, gambar, dan video pendek. Ia juga mempunyai fungsi "repost (retweet)" untuk berkongsi mesej orang lain.
 - 3.2.4. **LinkedIn:** LinkedIn adalah platform media sosial yang lebih terarah kepada profesional dan perniagaan. Ia membolehkan pengguna membina profil profesional, menghubungkan dengan rakan sekerja dan rakan perniagaan, serta berkongsi artikel dan maklumat berkaitan kerjaya.

- 3.2.5. **YouTube:** YouTube adalah platform untuk berkongsi video. Pengguna boleh memuat naik video mereka sendiri atau menonton video daripada pengguna lain. Ia merangkumi pelbagai jenis kandungan, termasuk video pendek, tutorial, muzik, dan banyak lagi.
- 3.2.6. **TikTok:** TikTok membolehkan pengguna membuat dan berkongsi video pendek dengan pelbagai muzik dan kesan kreatif. Platform ini sangat popular di kalangan golongan muda dan menarik pengguna dengan format video yang ringkas dan pantas.
- 3.2.7. **WhatsApp:** WhatsApp adalah aplikasi pesanan teks dan panggilan suara antarabangsa. Selain itu, ia juga membenarkan penghantaran gambar, video, dan fail lain secara peribadi atau dalam kumpulan.
- 3.2.8. **Threads:** Aplikasi Threads adalah platform perbualan dalam talian yang membolehkan pengguna membina utas atau topik perbualan untuk berinteraksi dengan pengguna lain. Ia membolehkan pengguna berkongsi teks, gambar, dan video dalam konteks topik tertentu. Threads biasanya diatur mengikut topik atau minat, memudahkan pengguna mencari dan menyertai perbualan yang berkaitan.
- 3.2.9. **Metaverse:** Metaverse adalah dunia maya atau realiti maya (*virtual reality*) yang terdiri daripada persekitaran digital tiga dimensi di mana pengguna boleh berinteraksi dalam masa nyata melalui avatar, objek, dan persekitaran maya. Ia merupakan gabungan antara dunia maya, realiti maya, dan kecerdasan buatan (AI), mencipta persekitaran digital yang interaktif dan dinamik di mana pengguna boleh berkomunikasi, bermain dan bekerja.
- 3.2.10. Metaverse merupakan salah satu daripada aplikasi yang menggemparkan dunia maya dan para pelopor industri media sosial sewaktu ianya dilancarkan. Hal ini kerana, aplikasi ini membangunkan sebuah 'dunia' baru yang berteraskan maya, namun dilengkapi dengan bangunan, kenderaan, prasarana awam, restoran, perwatakan manusia, boleh melakukan upacara perkahwinan, memelihara haiwan, beriadah dan semua perkara yang dilakukan seakan-akan di dunia yang sebenar.

3.2.11. Untuk mengakses aplikasi 'dunia' Metaverse ini, para pengguna perlu dilengkapi dengan peralatan cermin mata reality maya (*virtual reality glasses*) dan peralatan sokongan yang lain untuk melakonkan watak (*avatar*) masing-masing di dalam dunia tersebut.⁶

3.2.12. Dalam perbahasan mengenai dunia maya ini, terdapat isu yang timbul seperti adakah sah Solat Jumaat serta khutbahnya sekiranya ia dilakukan melalui medium Metaverse? Penulis mengambil pendapat bahawasanya isu moden ini berhajat kepada garis panduan yang berasingan dan asas perbincangan ini boleh dirujuk kepada buku karangan Sheikh Ahmad Ibn Siddiq Al-Ghumari (1960M) – *الافتتاح بصحة صلاة الجمعة خلف المذيع - احمد بن الصديق الغماري*.⁷

3.3 Berikut dikemukakan data berkenaan kedudukan **carta tertinggi rangkaian media sosial yang dinilai berdasarkan Pengguna Aktif Bulanan - Monthly Active Users (MAUs)**.⁸

APLIKASI	Pengguna Aktif Bulanan - Monthly Active Users (MAUs)
Facebook	3.03 billion MAUs
YouTube	2.5 billion MAUs
WhatsApp	2.0 billion MAUs
Instagram	2.0 billion MAUs
WeChat	1.3 billion MAUs
TikTok	1.05 billion MAUs
Telegram	700 million MAUs
Metaverse	600 million MAUs
X (Twitter)	556 million MAUs
LinkedIn	424 million MAUs
Threads	23.7 million MAUs

⁶ <https://about.meta.com/what-is-the-metaverse/>

⁷ <https://ia600604.us.archive.org/4/items/Benseddiq/iqna3.pdf>

⁸ <https://buffer.com/library/social-media-sites/amp/>

3.4 Setiap platform media sosial ini mempunyai audiens sasarannya sendiri dan digunakan untuk pelbagai tujuan, termasuk perkongsian sosial, kupasan isu semasa, pemasaran perniagaan dan komunikasi profesional.

3.5 Berikut dikemukakan jumlah data berkenaan kedudukan carta **rangkaian media sosial tertinggi yang dilawati oleh pengguna-pengguna di Malaysia**, pada September 2023⁹.

Aplikasi	Jumlah Lawatan
YouTube	494,372,317
Facebook	107,214,018
Shopee	42,843,534
TikTok	35,363,539
X (Twitter)	33,049,491
Intagram	28,215,167

3.6 Dalam statistik **Indeks Ketagihan Terhadap Telefon Pintar Global**, negara **Malaysia** amnya, netizen Malaysia khususnya, **berada di tangga ke-3 kadar ketagihan tertinggi**¹⁰. Mendahului carta, negara China di tangga pertama dan negara Arab Saudi di tangga kedua. Diikuti negara Korea Selatan dan negara Brazil masing-masing di tangga keempat dan tangga kelima.

3.7. Hal ini menjadi bukti bahawa, tahap kebergantungan rakyat Malaysia terhadap gajet terutamanya interaksi dengan media sosial berada di tahap yang sangat tinggi. Jika perkara ini tidak dipandu dengan sebaiknya kearah perktra mahmudah, bakal menatijahkan penggunaan aplikasi media sosial bagi tujuan yang tidak sepatutnya.

⁹ <https://www.semrush.com/website/top/malaysia/all/>

¹⁰ Sinar Harian, 30 Jun 2023, <https://www.sinardaily.my/article/200081/malaysia/national/malaysia-listed-third-in-world-for-smartphone-addiction#>.

4.0 MARTABAT PENULISAN

- 4.1. Mengawal lisan bukanlah semudah yang disangka. Ditambah lagi dunia moden hari ini, 'lisan' tidak hanya pada tutur bicara namun ia juga pada 'tulisan' yang terhasil menerusi tari gerak jari jemari¹¹.
- 4.2. Para fuqaha' juga turut telah membincangkan secara mendalam berkaitan ketinggian martabat pembuktian penulisan yang lebih kuat berbanding pembuktian secara pengakuan lisan. Sepertimana dinukilkan di dalam kitab At-Tasyri' Al-Jinai¹²:

عند اجتماع الإقرار مع الشهادة يجب أن يسند الحكم على الشهادة فيما يتعلق بحقوق الله لأن البينة أقوى من الإقرار

“Ketika mana berlaku pertembungan penyaksian (atau pembuktian) pengakuan lisan bersama dengan penyaksian secara bertulis, maka hukum akan disandarkan pada penyaksian secara bertulis, khususnya dalam urusan berkaitan hak Allah, kerana keterangannya (penyaksian bertulis) lebih kuat berbanding penyaksian secara pengakuan lisan.”

- 4.3. Kaedah menyebut¹³:

الكتابة تقوم مقام قول الكاتب

“Tulisan dikira (dihukumkan) pada martabat perkataan bagi si penulis.”

- 4.4. Berdasarkan hal yang tersebut diatas, benarlah bahawa sebarang bentuk penulisan mengambil tempat ungkapan lisan, bahkan lebih kuat penghujahan keatasnya dalam banyak perkara.

¹¹ <https://harakahdaily.net/index.php/2020/08/05/islam-dan-penggunaan-media-sosial/>.

¹² Audah, Abdul Qadir, At-Tasyri' Al-Jinai, Beirut, Darul Kutub Arabiy.

¹³ Af'al Ar-Rasul S.A.W. Wa Dalalataha 'Ala Ahkam Asy-Syar'iyah, Dr. Muhammad Sulaiman Asyqar (1430H), Jilid 2, Muka surat 14

5.0 NILAI DAN ETIKA

- 5.1. Etika yang pertama adalah **membetulkan niat** dalam melakukan sesuatu usaha semata-mata kerana Allah SWT¹⁴. Hal ini demikian kerana niat yang betul akan menjurus kepada hasil yang berkesan. Tugas menyebarkan dakwah ini bukanlah sesuatu yang boleh dilakukan sambil lewa sahaja kerana ia memerlukan kepada niat dan juga pengisian yang bermatlamat untuk menyumbang kepada pembangunan ummah
- 5.2. Selain itu, **perkara yang disampaikan haruslah yang baik** dan dibenarkan oleh syarak . Seorang muslim khususnya pendakwah yang menggunakan media sosial sebagai wasilah dakwah haruslah menyebarkan perkara yang bersifat menyeluruh dan tidak lari dari ajaran Islam. Hal ini supaya manusia mudah memahami dan tidak keliru dengan maklumat yang disampaikan. Tambahan pula, dalam konteks Islam, media sosial haruslah bersifat amar makruf nahi mungkar. Sepertimana termaktub hadith Rasulullah S.A.W., diriwayatkan didalam Sahih Muslim¹⁵:

مَنْ دَلَّ عَلَى خَيْرٍ فَلَهُ مِثْلُ أَجْرِ فَاعِلِهِ

"Sesiapa yang dapat menunjukkan suatu kebaikan (kemudian diikuti dan dilakukan kebaikan tersebut oleh seseorang yang lain) maka dia akan mendapat pahala seperti orang yang melakukannya."

- 5.3. Seterusnya, **maklumat yang disebarkan hendaklah dipastikan sahih** terlebih dahulu. Sesuatu perkara haruslah dipastikan kesahihannya sebelum disebarkan kepada orang lain kerana ia merupakan tanggungjawab setiap pengguna media sosial. Hal ini demikian bagi mengelakkan berlakunya salah faham, fitnah atau menyusahkan orang

¹⁴ JAIS (2018). Adab dalam media sosial. Unit Khutbah Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Selangor.

¹⁵ Sahih Muslim, No. 1893, Jilid 6, muka surat 41.

lain. Pengguna yang menyebarkan maklumat yang tidak sahih turut berdosa walaupun penulisan tersebut bukan hasilnya. Firman Allah di dalam Surah Al-Qaf, ayat ke-18:

مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ

“Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya).”

- 5.4. Pengguna media sosial juga hendaklah **menjaga batas pergaulan** antara satu sama lain. Perbualan dan komunikasi dengan yang bukan muhrim secara keterlaluan adalah satu perkara yang perlu diambil serius. Pengguna mestilah menyampaikan sesuatu perkara dengan jelas dan nyata serta mengelakkan daripada berkomunikasi dengan mesra dan manja walaupun melalui media sosial. Batas pergaulan yang tidak dikawal dalam penggunaan media sosial boleh terjerumus kepada keruntuhan akhlak.
- 5.5. Pengguna media sosial **mestilah menjaga keaiban diri dan orang lain**. Hal berdasarkan saranan dan keutamaan menjaga aib sesama muslim sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Majah¹⁶:

مَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

“Sesiapa yang menutupi aib seseorang Muslim, maka Allah SWT akan menutup aibnya di dunia dan juga di akhirat.”

- 5.6. Menerapkan nilai-nilai yang baik seperti nilai murni, moral, etika, disiplin, perpaduan, penyelesaian masalah, kenegaraan dan nilai kerohanian.

¹⁶ Sunan Ibnu Majah, No. 2544, Jilid 4, muka surat 160

6.0 KEBAIKAN MEDIA SOSIAL

6.0.1. Sepertimana yang tersebut diatas, penggunaan aplikasi media sosial merupakan perkara baru dalam konteks sejarah kemanusiaan, lalu menatijahkan asas hukumnya yang asal, iaitu harus. Namun, perkara ini harus diketahui baik buruk dan juga buruknya untuk dinilai dan ditimbang tara masalah serta mafsadahnya sebelum mengkonklusikan natijah yang baharu.

- 6.1. Menambah Kenalan dan Merapatkan Silaturrahim.
- 6.2. Medium latihan berfikiran luas melalui asas pengetahuan am yang komprehensif.
- 6.3 Platform meningkatkan keyakinan diri.
- 6.4. Motivasi diri dengan mengambil inspirasi orang lain.
- 6.5. Peluang pekerjaan melalui iklan-iklan
- 6.6. Medium untuk memberikan pendapat dan bertukar buah fikiran.
- 6.7. Media sosial sebagai platform memperluaskan pemasaran perniagaan.
- 6.8. Media Sosial Sebagai Alat untuk Menyampaikan Ilmu dan Ideologi
- 6.9. Media Sosial Sebagai Alat Dakwah dan Penyebaran Maklumat
- 6.10. Media Sosial Sebagai Platform Memupuk Persahabatan
- 6.11. Media Sosial Sebagai Platform Pendidikan

7.0 KEBURUKAN MEDIA SOSIAL

- 7.1. Terdedah dengan maksiat dan trend yang bercanggah dengan syarak
- 7.2. Pendedahan kepada skrin terlalu lama akan merosakkan mata dan fungsi otak kesan daripada radiasi gajet yang diguna pakai

- 7.3. Punca utama kepada berlakunya Penyakit Ain¹⁷
- 7.3. **Menjejaskan kesihatan mental**¹⁸
- 7.3.1. Akibat perbandingan diri dengan orang lain
- 7.3.2. Pendedahan kepada masalah gangguan secara maya seperti buli siber
- 7.3.3. Teori *behavioural displacement* yang mana masa berlebihan di media sosial menyebabkan semakin berkurangnya gaya hidup sihat (bersukan, berekreasi dan bersosial).
- 7.3.4. Fenomena Kebimbangan Tertinggal Mundur Daripada Trend Terkini (*fear of missing out*). Lazimnya berlaku dalam kalangan remaja di media sosial yang menyaksikan mereka sentiasa terdedah kepada tekanan untuk sentiasa mengikuti *trend* terkini. Ini secara tidak langsung boleh menyumbang kepada tekanan sosial, rasa rendah keyakinan diri dan kemurungan.
- 7.3.5. Teori Hubungan Sosial Yang Pincang (*social displacement*). Persahabatan maya telah menggantikan persahabatan realiti. Akibatnya ramai yang hilang kemahiran bersosial dan sokongan sosial yang diperlukan dalam keadaan seseorang itu mengalami tekanan hidup.
- 7.4. Menjejaskan kesihatan fizikal rentetan ketiadaan pergerakan dan tidak mengamalkan gaya hidup yang aktif berpunca daripada ketagihan gajet yang melampau
- 7.5. Kes penipuan berleluasa (*scammer*)
- 7.6. Menjejaskan keharmonian melalui pertelingkahan maya yang berpanjangan
- 7.7. Timbul sifat hasad dengki yang negatif terhadap kehidupan orang lain

¹⁷ <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/3072-al-afkar-43-penyakit-ain-dan-rawatannya>

¹⁸ <https://harakahdaily.net/index.php/2020/08/05/islam-dan-penggunaan-media-sosial/>

- 7.8. **Kes perceraian** - *Trend* penggunaan gajet elektronik dan media sosial didapati mampu menjadi penyebab perceraian, kata seorang pakar keluarga iaitu Pakar Psikologi dan Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Prof Madya Dr Mariani Mohd Nor. Beliau berkata aplikasi seperti *WhatsApp* boleh menjadi platform untuk pasangan muda meluahkan perasaan marah apabila berhadapan konflik rumah tangga.
- 7.8. Kanak-kanak akan cenderung untuk menghadapi masalah ketagihan gajet yang amat serius bahkan berisiko untuk berlaku perencatan otak yang memberi kesan terhadap perkembangan kemahiran halus (*motorskills*), keupayaan untuk bercakap (*speech delay*), keupayaan untuk menyelesaikan masalah, keupayaan berjalan dan juga berisiko tinggi untuk berlaku kecacatan neurologi seperti autisme¹⁹.
- 7.9. **Bunuh diri** - Ketua Bahagian Kaunseling, Universiti Putra Malaysia, Mohd Redzuan Zamberi berkata, kejadian gadis yang meragut nyawa sendiri akibat 'undian maut' dalam media sosial menunjukkan betapa pengaruh media sosial terhadap konsep diri dan tahap kesihatan mental khususnya remaja perlu dipandang serius.²⁰

8.0 TATACARA

- 8.0.1 Walaupun Al-Quran tidak secara eksplisit berbicara media sosial, prinsip dan ajarannya memberikan panduan berharga untuk menggunakan platform ini secara bertanggungjawab dan beretika. Berikut adalah beberapa ayat al-Quran yang relevan berkaitan tatacara penggunaan aplikasi media sosial:

8.1. Berkata benar:

Firman Allah S.W.T. di dalam Surah Al-Ahzab, ayat ke-70:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

¹⁹ <https://www.ikma.edu.my/images/dokumen/penerbitan/demensi/demensi-koop-70/Dimensi-KOOP-Bil-70-13.pdf>

²⁰ <https://www.sinarharian.com.my/article/32135/sinar-aktif/kesan-buruk-media-sosial>

“Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara)”

Ayat ini menekankan kepentingan bercakap benar dan terhormat dalam semua pergaulan kita, termasuk di media sosial.

8.2. Larangan buli siber dengan tidak menghina dan mengejek orang lain:

Firman Allah S.W.T. di dalam Surah Al-Hujurat, ayat ke-11:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّن نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ
وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِالْأَلْقَابِ بِئْسَ الْأَسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim.”

Ayat ini tidak menggalakkan buli siber, mengejek, menghina, merendah-rendahkan, mencaci, memanggil nama yang buruk dan menyebarkan khabar angin palsu yang malangnya sangat berleluasa di media sosial.

Hadis Nabi S.A.W. dalam Jami' At-Turmuzi²¹:

لَيْسَ الْمُؤْمِنُ بِالطَّعَانِ، وَلَا اللَّعَانِ، وَلَا الْفَاحِشِ، وَلَا الْبَذِيءِ

“Bukan dalam kalangan orang mukmin, mereka yang suka mencerca memaki hamun, suka sumpah seranah, gemar berkata keji, kotor dan mencarut.”

8.3. Tidak menggunakannya dengan tujuan kearah kerosakan:

Firman Allah S.W.T. di dalam Surah Al-Baqarah, ayat ke-11:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ

“Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi", mereka menjawab: " Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan".

Ayat ini mengingatkan kita tentang tanggungjawab kita untuk menggunakan media sosial untuk tujuan positif dan mengelakkan penyebaran kandungan negatif atau berbahaya.

8.4. Mengeksploitasi media sosial sebagai platform amar makruf nahi munkar:

Firman Allah S.W.T. di dalam Surah Ali Imran, ayat ke-110:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْأَكْتِبِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ

²¹ Jami' At-Turmuzi, Jilid 3, muka surat 520, no. hadis: 1977

“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.”

8.5. Memilih jalan untuk diam atau tidak respon melulu terhadap sesuatu isu:

Hadis Nabi S.A.W. dalam Sahih Al-Bukhari²²:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُؤْذِ جَارَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ
بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ

“Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka janganlah menyakiti jirannya, barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah memuliakan tetamunya, barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka bercakaplah yang baik-baik atau ia diam.”

8.5. Larangan menyebarkan fitnah dan mengadu domba:

Perbuatan menyebarkan fitnah, mengadu domba, menulis hantaran yang mencetuskan pergaduhan, seakan menjadi suatu budaya yang secara senyap-senyap meresap masuk ke dalam budaya netizen masyarakat Malaysia kita. Hal dan perkembangan ini sangat tidak sihat buat komuniti dan negara malah menjadi punca utama kemunduran sesebuah tamadun dan peradaban manusia.

Firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-Qalam, ayat 10-12:

²² Sahih Al-Bukhari, Jilid 8, muka surat 11, no. hadis: 6018

وَلَا تُطْع كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ ﴿١٠﴾ هَمَّازٍ مَشْتَاءٍ بِنَمِيمٍ ﴿١١﴾ مَنَّاعٍ لِلْخَبِيرِ مُعْتَدٍ أَيْمٍ ﴿١٢﴾

“Dan janganlah engkau (berkisar dari pendirianmu yang benar, dan jangan) menurut kemahuan orang yang selalu bersumpah, lagi yang hina (pendapatnya dan amalannya), [10] Yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untuk memecah belahkan orang ramai), [11] Yang sering menghalangi amalan-amalan kebajikan, yang melanggar hukum-hukum ugama, lagi yang amat berdosa. [12].”

Rasulullah S.A.W. bersabda , yang diriwayatkan dalam Sahih Muslim²³:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ تَمَامٌ

“Tidak akan masuk syurga para pengumpat.”

Demikian juga Rasulullah S.A.W. bersabda , yang diriwayatkan dalam Sahih Al-Bukhari²⁴:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَتَاتٌ

“Tidak akan masuk syurga para pengadu domba.”

Dalam hadis Sahih Muslim²⁵ yang lain, Rasulullah S.A.W. bertanya kepada para sahabat:

أَتَدْرُونَ مَا الْغَيْبَةُ؟ قَالُوا: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ: ذِكْرُكَ أَخَاكَ بِمَا يَكْرَهُ قِيلَ: أَرَأَيْتَ إِنْ كَانَ فِي أَخِي مَا

أَقُولُ؟ قَالَ: إِنْ كَانَ فِيهِ مَا تَقُولُ فَقَدْ إِعْتَبْتَهُ وَإِنْ لَمْ يَكُنْ فَقَدْ بَهْتَهُ

“Tahukah kamu apa itu ghibah? Mereka menjawab: Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui. Baginda bersabda: Iaitu engkau menceritakan saudaramu apa yang tidak ia suka. Ada yang bertanya: Bagaimana jika apa yang aku katakan benar-benar ada

²³ Sahih Muslim, jilid 1, muka surat 70, no. hadis: 105

²⁴ Sahih Al-Bukhari, jilid 8, muka surat 17, no. hadis: 6056

²⁵ Sahih Muslim, jilid 8, muka surat 21, no. hadis: 2589

pada saudaraku? Baginda menjawab: Jika padanya memang ada apa yang engkau katakan maka engkau telah mengumpatnya dan jika tidak ada maka engkau telah membuat pembohongan ke atasnya.”

9.0 GARIS PANDUAN

9.0.1 Sebagai tambahan kepada panduan al-Quran, berikut adalah beberapa garis panduan umum untuk menggunakan media sosial dengan cara yang selaras dengan prinsip Islam:

9.1. **Ketulen dan Kebenaran:** Jujur dan tulen dalam interaksi dalam talian. Elakkan daripada memaparkan imej palsu tentang diri sendiri atau menyebarkan maklumat yang salah.

9.2. **Hormat dan Baik Hati:** Layan orang lain dengan hormat dan baik, walaupun anda tidak bersetuju dengan mereka. Elakkan pembuli siber, panggilan nama dan bahasa kasar.

9.3. **Privasi dan Kerahsiaan:** Hormati privasi orang lain dan elakkan berkongsi maklumat peribadi tanpa kebenaran mereka. Berhati-hati dengan kerahsiaan perkara sensitif. Sebahagian daripada penjagaan privasi pengguna ialah, tidak menyebarkan sewenang-wenangnya nombor telefon, nombor kad pengenalan, data dan maklumat peribadi pengguna kepada pihak ketiga (*third party*) dengan tujuan kepentingan keuntungan, perniagaan, memperoleh pengaruh, menutup suara kebenaran dan penyebaran persepsi palsu lagi jahat.

9.4. **Penggunaan Berobjektif:** Gunakan media sosial untuk tujuan yang positif dan produktif. Terlibat dalam perbualan yang bermakna, berkongsi pengetahuan yang berharga dan menggalakkan nilai positif.

9.5. **Kesederhanaan dan Keseimbangan:** Gunakan media sosial secara sederhana, memastikan ia tidak menghabiskan masa anda atau mengalih perhatian anda daripada

tanggungjawab anda. Kekalkan keseimbangan yang sihat antara kehidupan dalam talian dan luar talian anda.

- 9.6. **Prinsip Kebertanggungjawaban:** Prinsip akauntabiliti dan kebertanggungjawaban (القاعدة المسؤولية) adalah prinsip utama dan asas dalam agam Islam. Setiap manusia akan disoal dan ditanya terhadap setiap perlakuannya di dunia. Penilaian setiap inci perbuatan, percakapan mahupun tulisan akan dihitung di akhirat kelak secara terperinci tanpa gagal. Semuanya dalam neraca pertimbangan dosa dan pahala belaka.

Firman Allah S.W.T. dalam Surah Yasin, ayat 65:

الْيَوْمَ نَخِمْ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

“Pada waktu itu Kami meteraikan mulut mereka (sejurus); dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan.”

9.7. Etika Penampilan Dalam Bergambar

- 9.7.1. Bergambar tidak salah. Ada yang bergambar untuk berkongsi kisah dan ada juga bergambar sebagai simpanan kenangan. Asas penampilan bergambar di media sosial sama sahaja sebagaimana asas penampilan secara bersemuka atau dunia realiti.
- 9.7.2. Menjaga pemakaian mengikut lunas pematuhan syariah.
- 9.7.3. Menutup aurat dengan sempurna beserta kesopanan pemakaian.
- 9.7.4. Tidak jarang sehingga menampakkan kulit dan bentuk tubuh.
- 9.7.5. Tidak terlalu ketat sehingga menampakkan lekuk-lekuk tubuh.
- 9.7.6. Menjaga personaliti seorang Muslim dan Muslimah yang sejati.

- 9.7.7. Tidak bergaya (*posing*) dengan gaya yang gedik, manja dan keterlaluan.
- 9.7.8. Tidak menggayakan bahasa badan yang melampau dan tidak juga memfokuskan gambar pada anggota badan tertentu sahaja yang boleh menimbulkan fitnah.
- 9.7.9. Beradab dan tidak keterlaluan (*tabarruj*) dalam pertimbangan uruf dan moral. Firman Allah S.W.T. dalam Surah An-Nur, ayat 31:

وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ

“Janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka.”

Tidak semua perkara apatah lagi perhiasan diri dan tubuh badan boleh diperlihatkan kepada khalayak ramai di media sosial. Ianya perlu dipelihara bagi mengelak pandangan orang lain yang mendatangkan dosa, merangsang nafsu dan ianya hanya diperlihatkan kepada suami atau isteri sahaja.

- 9.7.10. Tidak sengaja mengundang fitnah mendatang.
- 9.7.11. Tidak mengedit gambar melebihi had sehingga mengubah hakikat realiti sebenar dan mempunyai unsur tipu.
- 9.8. Media Sosial **bukan gelanggang untuk menyebarkan aib** pihak yang tidak sependapat dengan kita, apatah lagi membuka aib pertelagahan dalaman.
- 9.9. **Tidak membawa perbincangan isu-isu cabang (furu’)** yang tidak sesuai diperdebatkan di khalayak masyarakat awam yang menatijahkan masyarakat yang pening, keliru, semakin berpecah, bertelagah dan membuang masa.

9.9. Pemantauan Terhadap Penggunaan Media Sosial Anak-anak²⁶

- 9.9.1. Peranan ibu bapa dalam memantau anak-anak mereka dalam menggunakan media sosial amatlah penting terutamanya bagi membentuk sahsiah diri anak-anak ke arah yang lebih baik.
- 9.9.2. Hal ini kerana ibu bapa yang akan membentuk keperibadian anak mereka. Anak-anak dilahirkan ke dunia ini dalam keadaan naif. Mereka tidak tahu membezakan mana yang baik dan mana yang buruk.
- 9.9.3. Menjadi tanggungjawab ibubapa untuk memantau penggunaan media sosial dan peranti gajet dalam kalangan anak-anak agar tidak terjebak dengan ketagihan permainan (*game*) maya, ketagihan porno mahupun kandungan-kandungan lain yang mengundang keruntuhan moral apatah lagi maksiat yang berdosa.
- 9.9.4. Menggunakan perisian dan aplikasi yang disediakan khas kepada ibu bapa untuk mengawal penggunaan gajet dan telefon pintar anak mereka seperti "*Parental Control*", "*Kids Mode*", "*YouTube Kids*" ataupun yang lebih baik ialah menggunakan aplikasi alternatif berunsurkan Islamik yang sangat bagus untuk perkembangan anak-anak sesuai dengan zaman moden ini, sebagai contoh aplikasi *Durioo Plus*²⁷.
- 9.9.5. Beberapa syarikat telekomunikasi turut menyediakan tapisan untuk ibu bapa menyaring penggunaan Internet sekiranya tidak mahu anak mereka mengakses kepada laman pornografi dan keganasan.
- 9.9.6. Selain itu, ibu bapa perlu mengetahui kata laluan gajet dan telefon pintar anak bagi membolehkan mereka melakukan pemeriksaan terhadap kandungan yang disimpan

²⁶ Anita Ismail, Farah Laili Muda @ Ismail & Sakinah Ahmad. 9 September 2021. "Penggunaan Media Sosial dan Kesejahteraan Pengguna Menurut Islam." *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021 "Wawasan Kemakmuran Bersama 2030"*. Universiti Sains Islam Malaysia. Muka surat 541

²⁷ <https://duriooplus.com>

dalam alat peranti itu untuk mengetahui kegiatan dilakukan mereka terutama dalam menggunakan media sosial dan aplikasi sembang.

9.10. Penguatkuasaan Undang-Undang Berkaitan Media Sosial

9.10.1. Dengan adanya penguatkuasaan undang-undang, masyarakat akan lebih berhati-hati dalam menggunakan media sosial.

9.10.2. Langkah pengemaskinian dan penambahbaikan undang-undang berkaitan penyalahgunaan media sosial melalui Kementerian Komunikasi sehsarusnya memastikan peruntukan undang-undang terbabit sentiasa terus kekal relevan dan selaras peredaran semasa.

9.10.3. Penguatkuasaan undang-undang berkaitan media sosial ini perlu dinilai semula dasar dan pembawaannya agar selaras dengan hukum-hakam Islam serta nilai-nilai murninya, disamping memelihara syiar agama Islam di alam maya sesuai dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang termaktub bahawa Agama Islam merupakan Agama Rasmi Persekutuan yang diamalkan.

9.10.4. Hak kepada kebebasan bersuara tidak bersifat mutlak dan tertakluk kepada peruntukan undang-undang sedia ada. Perlakuan seperti fitnah dan cacian di media sosial juga perlu ditetapkan undang-undang mengenainya kerana ianya merupakan kesalahan yang besar bagu umat Islam yang melakukannya.

9.11. Penekanan Ilmu Pengetahuan yang Tinggi Dalam Bidang *Information Technology (IT)*

9.11.1. Kesedaran untuk menguasai ilmu dalam bidang IT perlulah ditanam dalam masyarakat kerana ia mempunyai banyak kelebihannya. Sebagai seorang Muslim, mencari ilmu berkaitan teknologi ini merupakan fardu kifayah dan berdosa jika umat Islam mengabaikannya.

9.11.2. Pengguna media sosial perlu memiliki ilmu supaya penggunaannya membawa kepada kebaikan dan memberi faedah kerana penggunaan media sosial adalah terbuka dan

memberi kebebasan kepada penggunanya untuk memilih sama ada untuk tujuan baik atau buruk.

9.11.3. Ilmu itu ialah untuk memastikan media sosial tidak menguasai kehidupan seseorang. Penggunaan media sosial untuk tujuan kebaikan akan memberi manfaat kepada penggunanya, namun mendatangkan mudarat sekiranya digunakan bagi tujuan keburukan dan kejahatan.

9.11.4. Dalam kita berinteraksi dengan media sosial, banyak ruang keburukan namun pada masa yang sama juang kebaikan juga banyak. Namun, sekiranya tersilap pilih jalan ia boleh membawa kepada keburukan.

9.11.5. Justeru, penting untuk kita menanganinya supaya penggunaan media sosial tidak membawa kepada kemudaratan.

KESIMPULAN

Di kesempatan ini, pihak Jabatan Mufti Negeri Perak mengambil kesempatan memberikan nasihat kepada seluruh umat islam untuk sentiasa menjaga adab bercakap dengan baik. Mukmin yang baik akan mengimani bahawa setiap butir patah perkataan yang terpacul daripada bibirnya akan dicatat dan akan diberi timbal balas atas apa yang dituturkan. Hal ini sejajar dan bertepatan dengan firman Allah di dalam Surah Al-Qaf, ayat ke-18:

مَا يَلْفُظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ

“Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya).”

Hadis Rasulullah S.A.W. dalam Jami' At-Turmuzi²⁸:

²⁸ Jami' At-Turmuzi, Jilid 4, muka surat 146, no. hadis: 2314

إِنَّ الرَّجُلَ لَيَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ لَا يَرَىٰ بِهَا بَأْسًا، يَهْوِي بِهَا سَبْعِينَ خَرِيفًا فِي النَّارِ

“Sesungguhnya seseorang terkadang berbicara dengan kata-kata yang dia sangkakan tidak mengapa, lalu (tanpa diduga) dia terjerumus dengan sebabnya ke dalam neraka (yang kedalamannya) sejauh perjalanan tujuh puluh tahun.”

Media Sosial bukan medan dan gelanggang untuk menyebarkan aib pihak yang tidak bersependapat dengan kita, apatah lagi membuka aib pertelagahan dalaman. Perbincangan isu-isu cabang (furu') yang tidak sesuai diperdebatkan di khalayak masyarakat awam tidak wajar untuk diketengahkan di tengah-tengah medan maya media sosial, hal ini hanya akan menatijahkan masyarakat yang pening, keliru, semakin berpecah, bertelagal dan membuang masa, tenaga, apatah lagi melemah dan merencatkan perpaduan umat Islam.

Setiap perbuatan kita menulis sesuatu yang buruk atau membawa kepada perpecahan di media sosial, segalanya akan dicatat dan anggota kita akan memberikan bukti penyaksian dakwaan kepada kita terhadap apa yang tangan kita taipkan di muka bumi ini, sedangkan mulut kita dikatup rapat tidak mampu berhujah, sepertimana firman Allah S.W.T. dalam Surah Yasin, ayat 65:

الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

“Pada waktu itu Kami meteraikan (katup dan kunci) mulut mereka (sejurus); dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan.”

Perkataan yang baik dan sentiasa berlemah lembut merupakan etika dan ciri-ciri keimanan seseorang. Meski dilihat remeh, namun ianya merupakan asas utama akhlak mulia seseorang manusia. Akhlak ini merupakan cerminan kesucian hati kesan daripada ajaran wahyu untuk sentiasa memelihara peribadi mulia meski terhadap perkara-perkara yang kecil.

Semoga Allah S.W.T. terus memberikan kita semua rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan Khasnya, dan masyarakat Malaysia dan umat Islam amnya, hidayah dan taufiq-Nya, untuk

terus menyuburkan media sosial dengan perkara yang mulia hingga menatijhkan tertegaknya Agama Allah bersama hukum-hakam dan nilai-nilai Islam di muka bumi ini.

RUJUKAN

Al-Qur'an

Sahih Al-Bukhari (Al-Jami' As-Sahih), Abu Abdullah Muhammad Bin Ismail (256H), Dar Tawq An-Najah, Beirut, Lubnan, 2001

Sahih Muslim, Al-Imam Muslim, Abu Al-Husain Muslim Ibni Al-Hajaj Qushayri Al-Naisaburi (261H), Darul Minhaj, Jeddah, Kerajaan Arab Saudi, 2013

Sunan Abi Daud, Al-Imam Abu Daud, Sulaiman Bin Al-Asy'ath As-Sajistani (275H), Darul Qiblah, Jeddah, Kerajaan Arab Saudi, 1998

Jami' At-Turmuzi, Al-Imam Al-Turmuzi, Abu Isa Muhammad Bin Isa Bin Surah (279H), Darul Gharb Al-Islamiy, Beirut, Lubnan, 1996

Sunan Ibnu Majah, Ibn Majah, Abu Abdullah Muhammad bin Yazid Ar-Rabi' bin Majah Al-Qazwini al-Hafiz (273H), Dar Al-Jail, Beirut, Lubnan, 1998

Audah, Abdul Qadir, At-Tasyri' Al-Jinai, Beirut: Darul Kutub Arabiy.

Af'al Ar-Rasul S.A.W. Wa Dalalataha 'Ala Ahkam Asy-Syar'iyah, Dr. Muhammad Sulaiman Asyqar (1430H), Muassasah Risalah, Beirut, Lubnan

Nur Hidayu Nordin, Nur Syuhada Mohammad, Ahmad Marzuki Mohamad. 2019. "Media Sosial dan Instagram Menurut Islam." *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)*. Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM: Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM. 277-296.

Ziani, Dr. Abdul Karim. 2015. "Using Social Media in the Bahraini 2014 Elections "A Study on a Sample of Young People" *Journal New Media and Mass Communication*. ." *Journal New Media and Mass Communication* 37: 25-37.

Anita Ismail, Farah Laili Muda @ Ismail & Sakinah Ahmad. 9 September 2021. "Penggunaan Media Sosial dan Kesejahteraan Pengguna Menurut Islam." *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021 "Wawasan Kemakmuran Bersama 2030"*. Universiti Sains Islam Malaysia. 532-546.

Harian, Sinar. 2023. *sinardaily.my*. Jun 30.

<https://www.sinardaily.my/article/200081/malaysia/national/malaysia-listed-third-in-world-for-smartphone-addiction#>.

Saiman, Ustaz Dr. Muhamad Zuhaili Dr. Hj. 2020. *Islam dan Penggunaan Media Sosial*. Ogos 5. <https://harakahdaily.net/index.php/2020/08/05/islam-dan-penggunaan-media-sosial/>.

Harian, Sinar. 2023. *sinar*daily.my. Jun 30.

<https://www.sinardaily.my/article/200081/malaysia/national/malaysia-listed-third-in-world-for-smartphone-addiction#>.

Ziani, Dr. Abdul Karim. 2015. "Using Social Media in the Bahraini 2014 Elections "A Study on a Sample of Young People" *Journal New Media and Mass Communication*. ." *Journal New Media and Mass Communication* 37: 25-37.

<https://buffer.com/library/social-media-sites/amp/>

<https://www.semrush.com/website/top/malaysia/all/>

<https://buffer.com/library/social-media-sites/amp/>

<https://about.meta.com/what-is-the-metaverse/>

<https://ia600604.us.archive.org/4/items/Benseddiq/iqna3.pdf>

<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/3072-al-afkar-43-penyakit-ain-dan-rawatannya>

<https://www.ikma.edu.my/images/dokumen/penerbitan/dimensi/dimensi-koop-70/Dimensi-KOOP-Bil-70-13.pdf>

<https://www.sinarharian.com.my/article/32135/sinar-aktif/kesan-buruk-media-sosial>